



TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
DATUK SERI AHMAD BIN MASLAN
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK SIAP**

**CADANGAN MEMBINA BAHARU JAMBATAN SUNGAI
PERANGIN, ORIENTAL VILLAGE,
LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN.**

TARIKH : 10 MAC 2024 (AHAD)

MASA : 11.00 PAGI

**TEMPAT: PERKARANGAN PANORAMA LANGKAWI,
ORIENTAL VILLAGE, LANGKAWI**

TEKS UCAPAN YB. TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

- 1) **Yang Berusaha,**
Tuan Wan Kamarul Faisal Bin Wan Kamardin
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perancangan & Pembangunan)
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
- 2) **Yang Berusaha,**
Dato' Ir. Haji Ibrahim bin Esa
Pengarah Kanan Cawangan Jalan, JKR Malaysia
- 3) **Yang Berusaha,**
Ir. Mohd Faisal bin Ismail
Pengarah JKR Negeri Kedah
- 4) **Yang Berusaha,**
Ir. Ts. Khairul Azlan Bin Abdullah
Jurutera Daerah, JKR Langkawi
- 5) **Yang Berusaha**
Tuan Mohd Shahlan bin Ramli
Pengarah Urusan Cakra Makota Sdn. Bhd.
Selaku Kontraktor Utama

Pegawai-Pegawai Kanan dari Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia.

Wakil-wakil daripada Kontraktor Utama, Cakra Makota Sdn Bhd. dan Kontraktor NSC iaitu Sinar Merbok Enterprise yang turut terlibat dalam pelaksanaan projek ini.

Seterusnya YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah Rabbil A'lamin. selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sollal-Lah-hu-a'laihi-wasallam. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta keizinanNya, dapat kita berhimpun dalam majlis yang penuh bermakna pada pagi ini iaitu **Majlis Penyerahan Projek Cadangan Membina Baharu Jambatan Sungai Perangin Oriental Village, Langkawi, Kedah.**

Saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk mengalu-alukan kehadiran **YBhg. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LADA dan Pengarah Kanan Cawangan Jalan** yang sudi melapangkan masa untuk menyaksikan majlis penyerahan pada pagi ini.

Pihak JKR ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan khususnya kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) atas kepercayaan yang diberikan untuk menyiapkan projek ini. Saya juga amat berharap kerjasama dan kolaborasi di antara semua pihak yang terlibat,

terutamanya MOF dan LADA dapat diteruskan di projek-projek lain agar projek dapat disiapkan dengan sempurna sebagaimana yang dikehendaki.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada kepada Bahagian , Cawangan Jalan selaku Pengurus Program bagi projek ini yang telah memberikan banyak sumbangan dalam pelaksanaan projek ini.

Tidak lupa juga kepada:

- i. Semua pihak HODT yang terlibat;
- ii. Jurutera Daerah Langkawi selaku Pegawai Penguasa
- iii. Jurutera Jalan/Jurutera Fasiliti JKR Daerah Langkawi selaku Wakil Pegawai Penguasa
- iv. serta semua pegawai JKR yang telah banyak memberikan komitmen dan kerjasama yang tidak berbelah bahagi sepanjang tempoh projek ini.

Ucapan syabas dan tahniah juga kepada pihak Kontraktor Utama, Cakra Makota Sdn. Bhd. serta Kontraktor NSC (Elektrikal), Sinar Merbok Enterprise serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

Untuk makluman YBhg. Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Projek membina Baharu Jambatan Sungai Perangin Oriental Village telah berjaya disiapkan. Skop Utama pembinaan projek ini adalah membina jambatan baharu berukuran 25 Meter panjang x 12.5 meter lebar dan menaiktaraf jalan baru sepanjang 315 meter serta kerja

pembinaan yang berkaitan. JKR Langkawi juga melakar rekod dengan penggunaan rasuk jambatan jenis *Ultra-High Performance Fiber-Reinforced Concrete* (UHPFRC) yang pertama di Kedah serta dilaksanakan oleh pihak JKR. Kejayaan menyiapkan projek ini menunjukkan segala usaha, komitmen dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua pihak yang menjadi faktor penting sehingga projek ini dapat disiapkan dan diserahkan kepada pihak pelanggan pada hari ini.

Penyerahan projek ini bukan sahaja menepati KPI JKR Malaysia sekurang-kurangnya 3 dalam 1 malahan telah berjaya melangkaui KPI JKR Malaysia dengan memberi nilai tambahan 10 dalam 1 merangkumi perkara-perkara berikut :

- i. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC);
- ii. Penyiapan Penyata Akaun Muktamad (SOFA);
- iii. Penyiapan As Built Drawing;
- iv. Operation & Maintenance (O&M) Manual;
- v. Penggunaan rasuk jambatan jenis *Ultra-High Performance Fiber-Reinforced Concrete* (UHPFRC) pertama di Kedah Oleh JKR.
- vi. Penjimatan Kos sebanyak RM 89,935.87
- vii. Cofee Table Book
- viii. Mencapai Kepuasan Pelanggan
- ix. Zero Lost Time Injuries (LTI); dan
- x. Zero Major Defects.

Penyerahan projek secara 10 dalam 1 bukanlah perkara mudah kerana memerlukan komitmen yang tinggi dan kerjasama daripada semua pihak tetapi telah Berjaya dibuktikan melalui penyiapan dan penyerahan projek ini.

Saya berharap pihak kontraktor dapat meneruskan tanggungjawabnya sepanjang tempoh memperbaiki kecacatan sepertimana yang termaktub di dalam kontrak untuk tempoh 12 bulan akan datang ini.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Semenjak pembinaan projek ini dimulakan, pelbagai cabaran telah dihadapi dan ditempuhi memandangkan lokasi projek ini adalah di kawasan tumpuan pelancong tidak seperti projek lain di Pulau Langkawi. Cabaran yang dihadapi adalah kesukaran mendapatkan pekerja selepas tempoh PKP, kesukaran penghantaran bahan binaan ke tapak dan juga merupakan laluan utama jalan keluar masuk ke Cable Car, Oriental Village dan Berjaya Hotel di mana merupakan pilihan utama penginapan bagi delegasi peringkat antarabangsa semasa acara besar seperti LIMA Langkawi.

Setiap pembinaan projek mempunyai rintangan dan kesukarannya tersendiri. Pandemik Covid-19 secara langsung telah memberi kesan kepada kelancaran pelaksanaan projek. Lebih memeritkan lagi, projek ini turut terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Natiyahnya, secara langsung telah memberi impak terhadap kemajuan projek.

Dalam fasa pasca pandemik pula, kontraktor sukar untuk mendapatkan tenaga kerja mahir serta isu bekalan bahan mentah yang terhad telah menjejaskan prestasi kerja di tapak. Bagi mengatasi masalah tersebut pihak kontraktor dan pasukan projek

telah mengambil inisiatif untuk bekerja lebih masa sehingga pukul 12.00 tengah malam dan bekerja 7 hari seminggu tanpa henti. Bekalan bahan mentah juga di tempah lebih awal dua atau tiga bulan ke hadapan bagi mengelak bahan mentah tiba lewat di tapak bina.

Namun begitu, segala perit jerih dan kepayahan untuk melaksanakan projek ini, termasuk mengharungi pandemik Covid-19 telah berjaya dilalui. Ini semua adalah hasil kerjasama dan komitmen semua pihak yang berusaha mencari solusi terbaik untuk memastikan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Pencapaian penyerahan projek sebegini bukanlah perkara yang mudah kerana memerlukan komitmen yang tinggi dan kerjasama yang jitu dari semua pihak tetapi ia telah berjaya dibuktikan melalui penyiapan dan penyerahan projek ini.

Saya berharap segala permasalahan, halangan dan kepayahan yang dihadapi dalam melaksanakan projek ini dapat dijadikan iktibar dan pengalaman berharga serta diambil sebagai pengajaran (*lesson learnt*) untuk projek-projek yang mendatang.

Namun, berkat kesabaran dan kerjasama semua pihak, kesemua kesusahan dan permasalahan tersebut berjaya diharungi dengan efektif dan memuaskan hati sehingga membolehkan projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Tahniah diucapkan kepada semua.

Seperti kita sedia maklum, dengan siapnya projek ini, ianya dapat memberi kemudahan dan keselesaan kepada semua pengunjung sekaligus meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke Pulau Langkawi. Projek ini juga akan menjadi satu bukti kepada usaha tanpa henti Kerajaan untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai destinasi pelancongan utama antarabangsa.

Kementerian Kerja Raya menyokong sepenuhnya usaha JKR Malaysia untuk memperkasakan agenda Kecemerlangan Pengurusan Projek kepada Kecemerlangan Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM), selari dengan Pelan Strategik JKR 2021-2025.

Inisiatif ini dapat mengoptimumkan penggunaan dan memanjangkan jangka hayat aset, menjimatkan perbelanjaan kerajaan, meningkatkan imej kerajaan, seterusnya membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan siapnya projek ini, penyelenggaraan jalan selepas ini adalah di bawah kawalan pihak Kementerian Kerja Raya sepenuhnya. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor masih perlu meneruskan tanggungjawabnya sepanjang Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) seperti mana yang termaktub di dalam kontrak iaitu selama 1 tahun 3 Bulan 14 Hari sehingga 08 Mei 2025.

Sehubungan itu, suka patik untuk mengingatkan pihak kontraktor agar melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pencegahan (*preventive maintenance*) mengikut jadual dan bertindak dengan cepat dan responsif dalam menangani sebarang aduan dan memperbaiki senarai kecacatan sepanjang tempoh tanggungan kecacatan berlangsung.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Di kesempatan ini juga, saya mewakili Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Malaysia selaku Agensi Pelaksana ingin menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) atas kepercayaan yang diberikan untuk merealisasikan projek ini.

Sekali lagi saya ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Kerja Raya Malaysia, Pasukan Projek JKR Malaysia yang terdiri dari *Head of Project Team* (HOPT) dan *Head of Design Team* (HODT), JKR Negeri Kedah, Pasukan Projek JKR Langkawi, pihak kontraktor dan semua agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu melaksanakan projek ini, sehingga dapat disiapkan dengan sempurna.

Akhir kata, saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya sangat berharap agar kerjasama erat ini akan terus dikekalkan bagi projek-projek lain pada masa akan datang. Semoga semua projek-projek yang sedang dirancang, sedang dalam pembinaan dan bakal dilaksanakan dapat disiapkan mengikut kontrak.

***Sungai Perangin kisah bermula,
Gunung Mat Cincang megah di singgahsana,
Projek jambatan siap dibina,
Semoga menjadi tarikan utama.***

Sekian.

Wabillahit Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh